

Isnin, 15 Julai 2019 | 5:14pm



Kerajaan menanggung kerugian hampir RM1.717 bilion dalam tempoh dua tahun akibat penggunaan silinder LPG bersubsidi oleh pengguna bukan daripada golongan sasaran. - Foto hiasan

Audit: Kerajaan tanggung rugi RM1.717 bilion LPG bersubsidi disalahguna

KUALA LUMPUR: Kerajaan menanggung kerugian hampir RM1.717 bilion dalam tempoh dua tahun akibat penggunaan silinder LPG bersubsidi oleh pengguna bukan daripada golongan sasaran.

Rumusan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 mendapati antara faktor utama kerugian itu ditanggung adalah disebabkan kelemahan dalam pemantauan dan penguatkuasaan.

Kerugian ditanggung itu adalah dari tahun 2015 hingga 2017.

Pemantauan fizikal audit mengesahkan perniagaan seperti dobi dan kedai makan menggunakan LPG bersubsidi dalam operasi harian perniagaan mereka walaupun sepatutnya menggunakan LPG komersial.

"Antara kelemahan dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan adalah pelantikan pembekal LPG oleh Perbendaharaan tidak membabitkan sebarang perjanjian atau proses serta kaedah pembayaran subsidi dari kerajaan kepada syarikat berkenaan."

"Audit juga mendapati wujud pembekal/pengedar/peruncit LPG yang beroperasi tetapi sudah luput Kebenaran di Bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (Kebenaran PDA) dan Lesen Barang Kawalan Berjadual yang dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Selain itu, aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan terhadap syarikat pembekal, pengedar utama dan sub pengedar bagi memastikan pematuhan terhadap akta/peraturan sukar dilaksanakan kerana tiada Standard Prosedur Operasi (SOP) dan sistem khusus dibangunkan bagi melancarkan pengurusan subsidi," katanya.

Antara lain, menurut kenyataan itu lagi, kekangan jumlah perjawatan anggota penguatkuasaan juga memainkan peranan terhadap kelemahan yang dikenal pasti.

"Kita juga mendapati, syarikat pemborong dan peruncit LPG gagal untuk menyelenggara rekod stok dengan lengkap dan teratur turut menyumbang kepada ketirisian yang berlaku.

"Selain itu, premis pemborong dan peruncit tidak mempunyai bukti pernah diperiksa oleh pegawai penguat kuasa KPDNHEP juga menjadi salah satu faktor kepada kelemahan program subsidi silinder LPG ini," katanya.

